BIOTEST

Your reliable home test kits series

Kidney Function Test Kit

Product Code 9 555223 208074
For in vitro diagnostic and self-testing use
Store at (15-30ºC)

Arahan

Sila baca kesemua arahan sebelum melakukan ujian. Semak tarikh lupus yang dicetak atas foil. Simpan alat penguji di tempat yang kering dalam suhu 15 hingga 30 darjah Celsius. Jangan simpan dalam peti sejuk. Alat penguji adalah peka kepada faktor-faktor seperti kelembapan atau kebahangan. Oleh itu jangan buka foil sehingga anda sedia melakukan ujian dengan serta merta.

Dasar Ujian

Buah pinggang anda berupa kacang bunus sebesar gengaman tangan dan terletak di bawah tulang rusuk. Buah pinggang anda berfungsi untuk menakis bahan buangan dan air yang berlebihan daripada darah dan mengeluarkannya sebagai air kencing. Setiap dewasa membuang sekitar 0.8 hingga 2.6 liter air kencing setiap hari bersesuaian dengan air yang diminum. Dalam buah pinggang, terdapat sekitar sejuta '*nephron*' yang bertindak sebagai penapis. Kebanyakan penyakit buah pinggang menyerang *nephron* ini sambil menghilangkan keupayaan buah pinggang untuk menapis.

Kerosakan buah pinggang bermaksud buah pinggang telah kehilangan sekurang-kurangnya satu daripada fungsi-fungsi berikut:

1. Fungsi Penapisan

Nephron bertindak sebagai penghalang kepada molekul besar seperti darah atau protin daripada dibuang. Kehilangan fungsi ini bermaksud bahawa molekul darah atau protin boleh dikesan dalam air kencing. Disebabkan kehadiran darah dalam air kencing mungkin berpunca dari sebab lain, maka mengesan kehadiran protin dijadikan penentu utama untuk menguji buah pinggang.

2. Fungsi Penyerapan

Setelah penapisan, buah pinggang akan menyerap kembali sekitar 99% daripada cecair saringan kedalam darah. Kehilangan keupayaan ini bermaksud badan kita kehilangan air yang berlebihan. Petanda yang jelas adalah mengukur kepekatan air kencing. Untuk ini ujian *Specific gravity* iaitu nisbah antara air dengan jisim digunakan untuk mengukur kepekatan.


3. Fungsi Pembuangan

Satu fungsi penting buah pinggang ialah membuang bahan sisa yang tidak diperlukan oleh badan. Antara yang lain ialah *Urea* dan *Creatinine*. Kehadiran kedua-dua bahan ini dalam air kencing jikalau sedikit menandakan bahawa ia tidak ditapis dengan sebaiknya dan terdapat selebihnya masih hadir dalam badan. *Urea* adalah bahan sisa protin dan *Creatinine* adalah bahan sisa metabolik otot-otot. Disebabkan *urea* boleh dipengaruhi dengan pemakanan protin yang berlebihan, maka mengesan kehadiran *Creatinine* dijadikan penentu utama kerosakan fungsi pembuangan buah pingang.

Alat Penguji BIOTEST Buah Pinggang merupakan satu jalur penguji untuk mengesan kehadiran protón, *creatinine* dan kepekatan (*specific gravity)* dalam air kencing untuk mengenal pasti samada buah pinggang maíz berfungsi dengan baik. Alat penguji ini memberi keputusan dalam carta warna seperti yang dicetak atas kotak.

Ujian

1. Gunakan bekas yang dibekalkan untuk mengumpul air kencing. Lakukan ujian serta merta selepas mengumpul air kencing.
2. Buka bungkusan BIOTEST dan keluarkan alat penguji. Kenal pastikan kedudukan *Creatinine, Specific gravity* dan *protein* dalam jalur penguji. Lihat gambarajah dibawah.



3. Celupkan jalur penguji dalam air kencing sehingga kawasan ujian tenggelam dalam air kencing selama 1 saat.
4. Keluarkan jalur penguji dan letakkannya secara rata dengan kawasan ujian menghala ke atas.
5. Tunggu selama 30 saat untuk keputusan.
6. Baca keputusan dengan membandingkan warna dalam kawasan ujian dalam jalur penguji dengan carta warna yang dicetak atas kotak.
7. Kenalpastikan warna yang paling dekat dengan carta warna. Pertukaran warna sekitar hujung / pinggir kawasan ujian adalah tidak sah. Lakukan ujian sekali lagi dengan menggunakan alat penguji yang baru. Keputusan selepas 60 saat adalah tidak tepat.

Keputusan

Keputusan adalah diperolehi dengan membandingkan warna dalam jalur penguji dengan warna dalam carta warna atas kotak.

Keputusan Protein	Tafsiran
Negative	Keputusan ini adalah normal.
Trace	Kadang-kala kehadiran sedikit protin dalam air kencing adalah normal. Namun lakukan ujian ini sekali lagi selepas beberapa jam dan jika keputusan adalah sama, dapatkan nasihat doktor. Kadang-kala kehadiran protin mungkin disebabkan oleh jangkitan bakteria dalam saluran kencing. Lakukan ujian BIOTEST *Urinary Tract Infection* untuk melihat mengetahui samada ia adalah satu faktor.
+ ++ +++ ++++	Keputusan ini adalah tidak normal. Besar kemungkinan fungsi penyerapan buah pinggang anda tidak baik. Dapatkan nasihat doktor dengan segera. Kadang-kala kehadiran protin mungkin disebabkan oleh jangkitan bakteria dalam saluran kencing. Lakukan ujian BIOTEST *Urinary Tract Infection* untuk melihat mengetahui samada ia adalah satu faktor.

Keputusan Specific Gravity	Tafsiran
+ ++	Keputusan ini menandakan bahawa air kencing anda terlalu cair. Walaubagaimanapun, ia mungkin boleh disebabkan oleh jumlah air yang diminum. Lakukan ujian ini sekali lagi selepas 2-3 jam tanpa meminum air. Sekiranya keputusan adalah sama, ini bermakna fungsi penyerapan buah pinggang anda tidak baik dan anda dinasihatkan berjumpa dengan doktor.
+++	Keputusan ini menandakan bahawa air kencing anda adalah cair. Lakukan ujian ini sekali lagi selepas 2-3 jam tanpa meminum air. Sekiranya keputusan adalah sama, ini bermakna fungsi penyerapan buah pinggang anda tidak baik dan anda dinasihatkan berjumpa dengan doktor.
++++ +++++ ++++++	Keputusan ini adalah normal.
+++++++	Keputusan ini menandakan buah pinggang anda berfungsi denga baik. Namun, sekiranya kepekatan air kencing ini berlarutan, ia mungkin menandakan anda mempunyai masalah lain seperti kehadiran batu dalam buah pinggang atau diabetes. Anda boleh melakukan ujian BIOTEST Diabetis untuk megetahui samada ia adalah satu faktor

Keputusan Creatinine	Tafsiran
Negative +	Keputusan ini menandakan bahawa *Creatinine* tidak ditapis dengan cekap daripada darah. Anda dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor.
++ +++ ++++ +++++	Ini adalah keputusan yang normal dan bermaksud buah pinggang anda berfungsi dengan baik untuk membuang bahan-bahan sisa yang tidak diperlukan oleh badan.

Nasihat

Alat Penguji BIOTEST Fungsi Buah Pinggang merupakan langkah pertama untuk mengesan kehadiran protin, *specific gravity* dan *creatinine*. Alat penguji ini mungkin mempunyai kekurangan dimana kawasan ujian boleh bertukar warna disebabkan oleh lain-lain faktor.

Bahan ubatan yang mungkin akan mengakibatkan keputusan protin tidak tepat termasuklah acetazolamide, aminosalicyclic acid, aspirin, barbiturates, cephalosporins, cephaloridine, chlorpromazine, corticosteroids, iodins contrast medium, mercurial diuretics, penicillins, phenazopyridine, promazine hydrochloride, radiographic contrast media, sodium bicarbonate, sulfisoxazole, sulfonamides, thymol, tolbutamide dan tolmetin sodium. Bahan ubatan yang mungkin akan mengakibatkan keputusan creatinine tidak tepat termasuklah amphotericin B, anabolic steroids, androgens, ascorbic acid, barbiturates, capreomycin sulfate, carbutamide, cefoxitin sodium, cephalotin sodium, chlorthalidone, clonidine, colistin sulfate, dextran, doxycycline hyclate, kanamycin, levodopa, methyldopa, methyldopate hydrochloride, para-aminohippurate, phenolsulfonphthalein, sulfobromophthalein dan

thiazides. Bahan ubatan yang mungkin mengakibatkan keputusan specific gravity tidak tepat termasuklah intravenous dextran, radiopague dye, drugs associated for treating acidic urines, fluid therapy dan treatment with diuretics.

Sekiranya anda memperolehi keputusan yang menandakan buah pinggang anda tidak berfungsi dengan baik, sila dapatkan nasihat doktor untuk melakukan ujian yang lebih komprehensif. Sekiranya keputusan adalah baik anda dinasihatkan untuk melakukan ujian ini setiap 6 bulan.

Rangkaian ujian BioTest merupakan langkah pertama untuk menguji dan tidak boleh digunakan sebagai kesimpulan muktamad keadaan kesihatan anda. Sila bincangkan keputusan ujian dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Dikilang oleh Atlas Medical
William James House, Cowley Road, Cambridge, CB4 0WX, UK
BIOTEST adalah hak-milik Bio-gro Sdn Bhd
Lawati laman www.bio-test.info

If there is any inconsistency or ambiguity in any of the languages or translations in this Instruction for Use (IFU), the English Language version is the authoritative version.

ISO 639-2 Code	Language
ENG	English Language
MAY	Bahasa Malaysia
CHI	Chinese Language
PHI	Philippine Language
THA	Thai
ARA	Arabic